

09/IBUPEJABAT/2025



AGANSI KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)

**PENAFIAN MENGENAI SEBARAN IKLAN
'PERMOHONAN AKPS UNTUK VETERAN ATM'**

PUTRAJAYA, 14 Oktober 2025 – Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) ingin menegaskan bahawa, sebaran iklan mengenai 'Permohonan AKPS untuk veteran ATM' yang tular menerusi aplikasi *WhatsApp* adalah **palsu**.

Sepertimana yang dinyatakan di dalam pengumuman Belanjawan 2026 pada 10 Oktober 2025 lalu, Kerajaan bersetuju memperuntukkan sebanyak **220 perjawatan baharu AKPS dengan keutamaan kepada Veteran Angkatan Tentera Malaysia (VAT)** bagi mengisi perjawatan di pintu-pintu masuk yang diwartakan di bawah Akta Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia 2024 [Akta 860]. Namun demikian, perkara ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut dan terperinci bersama Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM dalam waktu terdekat.

AKPS juga ingin memaklumkan setakat ini, tiada sebarang iklan perjawatan secara rasmi dibuka dan memohon agar veteran ATM khususnya untuk tidak terpedaya dengan sebaran maklumat yang tidak sahih ini. Pihak AKPS memohon agar semua pihak untuk sentiasa mendapatkan maklumat terkini dan tepat menerusi media rasmi dan media sosial AKPS dari semasa ke semasa.

TAMAT

14 OKTOBER 2025

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

AGANSI KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)

KEMENTERIAN DALAM NEGERI